

## **BANK ISLAM TERBIT SUKUK MURABAHAH KANAN RM1.0 BILION**

*Terbitan menarik minat pelabur dengan nisbah bidaan kepada terbitan melebihi 3.2 kali ganda selepas peningkatan nilai daripada RM500.0 juta*

**KUALA LUMPUR, Isnin, [15 Julai 2024]:** Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam) hari ini berjaya menerbitkan Sukuk Murabahah Kanan bernilai RM1.0 bilion di bawah Program Sukuk Murabahah RM10.0 bilion dalam nilai nominal (Program Sukuk Murabahah).

Terbitan Sukuk Murabahah Kanan ini telah mendapat sambutan memberangsangkan daripada pelabur dengan nisbah bidaan kepada terbitan melebihi 3.2 kali ganda saiz terbitan selepas nilai dinaikkan daripada RM500.0 juta.

Hasil daripada terbitan ini akan dimanfaatkan untuk membiayai aktiviti perbankan dan keperluan modal kerja Bank Islam serta tujuan korporat lain. Penggunaan hasil di bawah Program Sukuk Murabahah ini juga adalah patuh Syariah.

Dengan tempoh masing-masing lima (5) dan tujuh (7) tahun, Sukuk Murabahah Bank Islam diberi penarafan AA3/stabil oleh RAM Ratings Services Bhd. Ia menawarkan kadar keuntungan tetap sebanyak 4.01% dan 4.13% setahun.

Bank Islam adalah Penasihat Utama, Pengatur Utama, Ketua Pengurus dan Penasihat Syariah bagi Program Sukuk Murabahah tersebut.

---

### **Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad (No. Pendaftaran Syarikat [198301002944(98127-X)])**

Bank Islam adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama, Bursa Malaysia Berhad. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983, Bank Islam mempunyai 135 cawangan dan lebih 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, Bank Islam menyediakan penyelesaian perbankan runcit dan kewangan korporat yang mematuhi undang-undang dan prinsip Syariah dengan ketat. Bank Islam komited terhadap kemakmuran lestari dan nilai-nilai ESG dan merupakan peserta rasmi Rangkaian Kompak Global Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Malaysia dan Brunei. Anak-anak syarikat utama Kumpulan Bank Islam, BIMB Investment dan BIMB Securities menawarkan pelbagai perkhidmatan kewangan Islam, termasuk pelaburan dan pembrokeran saham. Untuk maklumat lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kumpulan Bank Islam, layari [www.bankislam.com](http://www.bankislam.com).

Sila emel ke Hubungan Media Kumpulan Bank Islam di [media@bankislam.com.my](mailto:media@bankislam.com.my) untuk mendapatkan maklumat tambahan.